

‘Biar siasatan berjalan’

Putrajaya: Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa menyerahkan siasatan berkaitan dakwaan salah laku dalam perolehan projek di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kepada pihak berkuasa berkaitan.

“Kami akan memberi kerjasama penuh tanpa melindungi sebarang fakta atau siasatan.

“Kita biarkan siasatan berjalan dan saya tidak mahu ulas lebih panjang,” katanya kepada media selepas Majlis Perasmian Karnival Wilayah Persekutuan dan Hari Terbuka Putrajaya 2025, di sini, semalam.

Sabtu lalu, Zaliha dipetik berkata, siasatan perolehan projek di bawah DBKL itu dijangka siap minggu ini.

Menurutnya, pada masa sama, DBKL turut menjalankan audit dalaman berkaitan kes terbabit.